



IMBAS KEMBALI

1. Tumbuh-tumbuhan mempunyai ciri-ciri khas untuk melindungi diri daripada musuh. Ciri-ciri khas tersebut adalah seperti yang berikut:
 - berduri tajam.
 - mengeluarkan getah.
 - berbulu halus.
 - beracun.
 - berbau busuk.
2. Ciri-ciri khas tumbuh-tumbuhan untuk menyesuaikan diri dengan iklim dan perubahan musim adalah seperti yang berikut:
 - (a) musim angin kencang
 - batang mudah lentur.
 - daun berpecah-pecah.
 - daun berbentuk jarum.
 - (b) iklim panas dan musim kering
 - daun terubah suai menjadi duri.
 - akar yang panjang.
 - menggulungkan daun.
 - meluruhkan daun.
 - batang menyimpan air.
 - berbulu halus.
 - daun berlilin.
 - daun berbentuk jarum.
 - (c) iklim sejuk
 - kulit yang tebal.
3. Cara pencaran dan ciri-ciri biji benih atau buah adalah seperti yang berikut:
 - (a) melalui angin
 - kecil.
 - nipis.
 - ringan.
 - struktur bersayap.
 - berbulu halus.
 - (b) melalui air
 - kulit yang berlilin.
 - sabut yang berongga.
 - (c) melalui haiwan dan manusia
 - isi buah yang boleh dimakan.
 - warna buah yang menarik.
 - bau yang harum.
 - bercangkuk.
 - kecil.
 - ringan.
 - (d) melalui mekanisme letupan
 - lenggai mengering.
 - lenggai merekah.

Jawab soalan yang berikut dalam buku latihan Sains.

1. Perhatikan tumbuh-tumbuhan di bawah. Nyatakan ciri-ciri khas yang ada pada tumbuh-tumbuhan ini untuk melindungi diri daripada musuh.

Padankan jawapan yang betul

(a)



pokok keladi

Berbulu halus

(b)



pokok jeremin

Mengelurkan getah

(c)



pokok jelatang

Berbau busuk

2. Berdasarkan situasi yang diberikan, nyatakan ciri-ciri khas yang ada pada tumbuh-tumbuhan di bawah untuk menyesuaikan diri dengan iklim dan perubahan musim.

(a)



Pokok buluh dapat hidup di tempat yang berangin kencang.

(b)

Kulit yang tebal pada bahagian batang

(b)



Pokok pain dapat hidup dalam cuaca sejuk.

Daun berpecah-pecah

Batang mudah lentur

3. Tumbuh-tumbuhan yang berikut mempunyai cara pencaran biji benih atau buah yang berbeza. Nyatakan cara pencaran tersebut.

(a)



biji benih bendi

Haiwan

(b)



biji benih pepulut

Mekanisme letupan

(c)



biji benih dandelion

Air

(d)



biji benih teratai

Angin

4. Perhatikan gambar buah di bawah.



buah betik

(a) Apakah ciri-ciri khas yang terdapat pada biji benih atau buah betik untuk dipencarkan?

(b) Ramalkan cara pencaran bagi biji benih atau buah betik.

5. Jawab teka-teki tentang cara biji benih atau buah ini dipencarkan. Kemudian, ramalkan biji benih atau buahnya.

(a) Di dalam air terapungnya saya,
Kulit berlilin dan licin pula;
Sabut berongga isi udara,
Bolehkah teka siapa saya?

Cara pencaran biji benih atau buah

Ramalan biji benih atau buah:

(b) Warna menarik menawan hati,
Berbau harum tidak terperi;
Isi dimakan enak sekali,
Tekalah saya empunya diri.

Cara pencaran biji benih atau buah

Ramalan biji benih atau buah:

(c) Di dalam lenggai saya berada,
Lenggai mengering matang tandanya;
Apabila merekah tercampaklah saya,
Marilah teka siapakah saya?

Cara pencaran biji benih atau buah

Ramalan biji benih atau buah:

(d) Kecil dan ringan, bercangkuk pula,
Tidak menarik pada warnanya;
Tidak berisi dalam buahnya,
Cubalah teka siapakah saya?

Cara pencaran biji benih atau buah

Ramalan biji benih atau buah:

(e) Bersaiz kecil dan ringan pula,
Bersayap dan nipis begitu rupa;
Terbang melayang jauh perginya,
Cubalah teka siapakah saya?

Cara pencaran biji benih atau buah

Ramalan biji benih atau buah: